

COVID-19: Majlis bacaan yasin dan doa selamat di Kota Tinggi

Oleh: Nurul Ain Farhana Abu Sani

KOTA TINGGI, JOHOR: Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor Daerah Kota Tinggi mengarahkan Institusi Pendidikan Islam Swasta mengadakan majlis bacaan surah yasin dan doa selamat mohon perlindungan dari virus korona pada 1 November lalu.

Pegawai Pendidikan Islam, Abu Sani Kalam dalam kenyataan berkata pendekatan itu berikutan berlakunya peningkatan jumlah kes Covid-19 di seluruh negara termasuk di Johor akhir-akhir ini.

“Inisiatif tersebut dilaksanakan bagi menyeru seluruh umat Islam khususnya di Kota Tinggi untuk bermunajat dan berdoa kepada Allah SWT agar penularan wabak Covid-19 segera dibendung serta Malaysia sentiasa mendapat perlindungan dan kesejahteraan daripada Allah SWT,” ujar beliau.



Pelajar Madrasah Tahfiz Al Jauhar sedang mengendalikan majlis bacaan surah yasin dan doa selamat.

Menurutnya lagi, program ini adalah kerjasama melibatkan antara tiga pihak iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Pejabat Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi dan Madrasah-madrasah Tahfiz Daerah Kota Tinggi.

Sebanyak 22 buah madrasah tahfiz yang terlibat dalam menjayakan program ini. Program dilaksanakan selama 1 hari bermula seawal jam 6:00 pagi hingga 8:30 malam. Majlis bacaan dijalankan secara berasingan mengikut tentatif program yang telah disusun dan ditetapkan oleh pihak JAINJ bagi setiap madrasah.

Berkata beliau, “anda bebas memilih untuk baca apa juga surah, yang penting bersama-sama kita munajat pada Allah SWT dengan penuh ketundukan agar keresahan didamaikan, kekalutan ditenangkan, kesukaran dimudahkan dan keperitan diringankan.”

“Doakan juga petugas barisan hadapan yang sedang berjihad di medan mereka,” sambung beliau.

Sementara itu dalam kelancaran perjalanan program ini, Pegawai Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Dr. Roslinda Wahab turut mengambil peluang menabur bakti dengan memberi sumbangan derma kepada institusi tahfiz yang amat memerlukan seraya membantu memudahkan pengurusan kebajikan anak-anak pelajar ditambah lagi dalam situasi pandemik ini.

“Kita pohon agar Allah SWT jauhkan kita semua daripada segala bentuk bahaya selain meminta agar wabak Covid-19 ini segera berlalu,” katanya.